

Polis rampas ketamin seberat 19.6 kg, tangkap dua penganggur

# RM1.1 juta dadah dalam but SUV

Oleh EDDY HAMIDI

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 43 pekete plastik dipercayai berisi dadah jenis ketamin bernilai RM1.1 juta yang disorokkan di dalam sebuah kenderaan dirampas di Kampung Baru Salak Selatan di sini pada Rabu lalu.

Rampasan pada pukul 4.30 petang itu dibuat anggota Balai Polis Salak Selatan Baru yang curiga melihat dua lelaki membuka but sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) jenis Perodua Kembara semasa mereka menjalankan rondaan cegah jenayah.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Mohamed Mokhsein Mohamed Zon berkata, sebaik dihampiri polis, salah seorang suspek cuba melarikan

diri namun dapat diberkas.

“Pemeriksaan di dalam SUV itu menemui sebanyak 43 pekete plastik dipercayai ketamin seberat 19.6 Kilogram (kg).

“Suspek pertama yang berusia 18 tahun memiliki satu rekod jenayah dadah manakala rakananya yang berusia 28 tahun pula mempunyai tiga rekod jenayah,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras di sini semalam.

Siasatan mendapati kedua-dua suspek tempatan itu tidak bekerja. Ujian air kencing mendapati mereka positif ganja, amphetamine dan methamphetamine.

Jelas beliau, polis telah mengenal pasti pemilik Perodua Kembara tersebut namun usaha menjejaknya sedang giat dijalankan.

“Siasatan sedang dilakukan bagi mengenal pasti penglibatan individu lain dan punca bekalan diperolehi,” katanya.

Kedua-dua suspek ditahan reman selama seminggu dan kes disiasat di bawah Seksyen 39B dan 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Dalam kes berasingan, polis memberkas seorang lelaki tempatan yang memandu sebuah kereta jenis Perodua Myvi pada pukul 11.40 pagi hari yang sama di sebuah perhentian bas di Lebuhraya Besraya menghala ke ibu negara.

“Pemeriksaan ke atas kereta yang dipandu lelaki berusia 23 tahun itu menemui sebanyak 65 pekete plastik mengandungi syabu, pil erimin 5 dan kanabis.

“Suspek yang menganggur didapati positif ganja,” katanya.



**MOHAMED MOKHSEIN (tengah)** menunjukkan sebahagian dadah yang dirampas pada sidang akhbar di IPD Cheras, Kuala Lumpur semalam.